

Naratif Ekonomi Madani dilancar Ogos

Putrajaya: Kerajaan akan melancarkan Naratif Ekonomi Madani menjelang Ogos ini sebagai hala tuju ekonomi negara yang lebih jelas, selain menjadi panduan kepada semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata naratif berkenaan bakal menjadi satu kerangka besar dan umum kepada nadi ekonomi negara dan akan dijelaskan kepada rakyat secara berperingkat.

Bagaimanapun katanya, beberapa dasar segera yang terpaksa dilaksanakan akan diteruskan.

“Kepentingan naratif ekonomi ini adalah untuk memberikan satu panduan dan hala tuju yang jelas dan untuk memudahkan tindakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

“Kita ada cerakinkan secara ringkas dalam buku Madani (mengenai naratif ini), tetapi Kementerian Ekonomi dan kementerian yang terbabit serta sektor swasta... apabila ada proses libat urus ini, akan menentukan beberapa dasar (antaranya) soal penggunaan tenaga, keutamaan pelaburan, soal ekonomi hijau dan lain-lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mem-

perkerusi mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Dalam pada itu, Anwar berkata, mesyuarat MTEN antara lain membincangkan berhubung reformasi ekonomi yang bakal diputuskan dalam mesyuarat akan datang.

Katanya, ia bagi memastikan kewujudan ekonomi negara yang bernilai tinggi dan mampan serta menambah baik liputan keselamatan sosial melalui pendekatan pengupayaan rakyat dan reformasi pasaran kerja.

Pada mesyuarat itu, Bank Negara Malaysia (BNM) turut membentangkan laporan mengenai kedudukan ekonomi negara ketika ini.

“Penekanan pada kali ini ialah langkah yang lebih bermakna dari segi penstrukturan semula ekonomi dan naratif ekonomi Madani.

“Kita mula dengan suatu pembentangan teliti oleh BNM mengenai kedudukan ekonomi sekarang, kekuatannya dan beberapa langkah baharu yang harus diambil untuk memastikan ekonomi kita pada tahap yang lebih kukuh dan pelaksanaan dasar yang berkesan,” katanya.

